

15 MAR 2004

Pilihan raya-Rithauddeen

SAYA INGIN LIHAT KELANTAN MAJU SEBELUM SAYA MATI: RITHAUDDEEN

Oleh: Mohd Bakri Darus

KOTA BAHARU, 15 Mac (Bernama) -- "Sebelum saya mati, saya ingin melihat

Kelantan membangun dengan pesat untuk muncul sebagai sebuah negeri maju,"

kata seorang tokoh politik veteran Kelantan, Tengku Ahmad Rithauddeen

Tengku Ismail, 75 tahun.

Untuk mencapai matlamat itu, Tengku Rithauddeen berkata, rakyat Kelantan perlu membuat perubahan dengan menyerahkan mandat untuk mentadbir negeri itu kepada Barisan Nasional pada pilihan raya umum 21 Mac ini.

Bekas Menteri Luar, Menteri Pertahanan dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian itu berkata beliau amat kecewa dengan keadaan negeri Kelantan di bawah pentadbiran PAS yang masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain.

"Sama seperti kebanyakan rakyat biasa yang lain, saya mengharap dan mengimpikan sebuah negeri Kelantan yang maju daripada segi fizikal dan agama.

"Saya bukan orang tua...(tetapi) orang lama...saya tahu keadaan, sudah banyak negara luar saya pergi, sangatlah penting kita jangan tertinggal jauh sangat di belakang daripada segi pembangunan," kata bekas anggota Parlimen Kota Baharu selama beberapa penggal itu kepada Bernama di sini, hari ini.

Tengku Rithauddeen, seperti kebanyakan anak Kelantan lain yang ingin melihat negeri itu setanding dalam pelbagai aspek pembangunan dengan negeri-negeri lain, berkata Kelantan masih memerlukan banyak kemudahan asas dan infrastruktur seperti jalan raya, sekolah dan hospital.

Menurutnya imej Kelantan yang sering dikaitkan dengan kemiskinan rakyatnya perlu dikikis dengan cara kerajaan negeri berusaha bersungguh-sungguh membasmi kemiskinan itu.

Tengku Rithauddeen yang pernah menjadi Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan dan Ketua Umno Bahagian Kota Baharu selama 26

tahun, berkata impian beliau dan kebanyakan rakyat Kelantan itu

hanya akan tercapai jika BN kembali menerajui pemerintahan negeri itu.

Katanya, rakyat Kelantan tidak ada pilihan lain kecuali memberikan semula mandat kepada BN untuk kembali memerintah Kelantan, dan sekaligus mengembalikan semula zaman kegemilangan negeri "Che Siti Wan Kembang" itu.

Menurutnya, sejak PAS kembali berkuasa pada 1990, Kelantan tidak mengalami apa-apa perubahan daripada segi pembangunan.

Merujuk kepada manifesto tambahan BN untuk Kelantan pada pilihan raya umum kali ini yang bertema "Membina Kelantan Gemilang", beliau mengajak para pengundi memikir dan mengkaji sehalus-halusnya tawaran yang dibuat BN itu untuk masa depan mereka yang lebih cemerlang.

Tengku Rithauddeen yakin Manifesto yang mengandungi 11 perkara itu memenuhi cita rasa semua golongan rakyat Kelantan yang terkenal kuat berpegang kepada agama kerana ia memberi penekanan kepada usaha memartabatkan Islam.

Mengenai calon-calon BN Kelantan yang bertanding pada kali ini, beliau berkata ia satu gabungan pemimpin muka baru dan lama daripada pelbagai latar belakang pendidikan dan kerjaya termasuk ulamak yang pasti boleh diterima oleh pengundi.

"Rakyat Kelantan memberi penekanan yang sangat kuat kepada agama, maka dengan campuran orang profesional, pendidikan tinggi dan ilmu agama yang tinggi akan menambat hati mereka," katanya.

Beliau juga berkata Umno dan BN Kelantan yang diketuai oleh Datuk Mustapa Mohamed kini semakin kukuh kerana adanya sokongan kuat daripada rakyat.

Katanya rakyat Kelantan tidak perlu meragui ketokohan serta kewibawaan Mustapa yang disebut-sebut bakal menjadi Menteri Besar negeri itu jika BN memenangi pilihan raya umum pada kali ini.

"Saya tahu sangat siapa Mustapa, beliau seorang yang jujur, seorang yang berdisiplin, orang yang kuat bekerja," katanya.

"Kalau BN menang, Insya-Allah Kelantan akan dipimpin oleh beliau (Mustapa), saya melihat beliau bertanding di DUN (Air Lanas) dan Parlimen (Jeli), maka di sinilah nampaknya kalau dapat balik Kelantan ke BN beliau

akan dilantik sebagai menteri besar," katanya.

Tengku Rithauddeen berkata daripada segi keagamaan (Mustapa) tidak ada bezanya dengan pemimpin lain di Kelantan kerana beliau (Mustapa) berpegang teguh kepada agama.

"Saya kenal beliau begitu rapat, saya menaruh kepercayaan penuh terhadap kemampuan Mustapa untuk membawa Kelantan kepada tahap pembangunan yang terbaik dan membawa program keagamaan yang lebih menyeluruh lagi ke Kelantan," katanya.

Beliau juga yakin Mustapa akan dibantu oleh barisan Exco negeri berwibawa yang dapat menjamin rakyat dan negeri dibangunkan tanpa mengambil tempoh masa yang terlalu lama.

Ahmad Rithauddeen berkata pilihan raya umum ini merupakan masa sesuai untuk rakyat Kelantan menukar kerajaan negeri sekarang setelah pemimpin Pas gagal membangunkan negeri serta tidak setara mana dalam usaha memartabatkan Islam.

Beliau juga meramalkan akan berlaku perubahan besar di Kelantan selepas 21 Mac ini.

"Insya-Allah, saya sebagai orang lama dapat merasakan perubahan akan berlaku di Kelantan pada 21 Mac ini. Selepas 14 tahun di bawah PAS rakyat mahukan perubahan dan kini memberi sokongan padu kepada BN," katanya.

PAS, katanya, kini ketandusan isu untuk menentang BN dan Umno serta mempengaruhi pengundi supaya mengekalkan kepimpinan sedia ada.

"Tidak ada isu, dasar-dasar kerajaan semua baik, isu Anwar (bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim) sudah tidak ada lagi, isu lain pun tidak ada," katanya.

Beliau berkata pelantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri menggantikan Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31 Oktober lepas, telah berjaya memikat rakyat Kelantan kerana Abdullah datangnya daripada keluarga ulama terkenal.

"Pak Lah anak seorang tok guru, keluarga ulama, pendidikan agama Pak Lah mendalam. Rakyat Kelantan mahukan orang agama..orang tua-tua melihat beliau (Abdullah) seorang yang jujur, seorang yang beragama, oleh

sebab  
keturunannya orang beragama," katanya.

Katanya, itulah di antara ciri-ciri pemimpin yang diminati  
rakyat  
Kelantan.

-- BERNAMA

BD RAR AM